

# Kuala Lumpur perlu banyak kondominium

JAN 1 JUN 1991

KUALA LUMPUR, Jumaat — Kondominium perlu diwujudkan di bandaraya bagi menampung bilangan penduduk ibu kota yang semakin meningkat serta mengurangkan kesesakan lalulintas, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, Kuala Lumpur sebagai Wilayah Persekutuan adalah kawasan kecil yang mempunyai bilangan penduduk yang meningkat dengan pesat.

"Kalau kita hendak kepada rumah banglo sahaja, yang mana satu ekar mungkin sesuai untuk sebuah rumah, sudah tentu kita tidak dapat menempatkan penduduk Kuala Lumpur di Kuala Lumpur.

"Mungkin mereka ditempatkan di luar Kuala Lumpur. Kalau ini berlaku, terpaksa mereka menggunakan kereta tiap-tiap hari ke Kuala Lumpur yang menyebabkan kesesakan lalulintas," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat pertama Jawatankuasa Khas Pembangunan Kuala Lumpur di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di sini petang ini.

Perdana Menteri berkata, jika kerajaan boleh meningkatkan bilangan penduduk dalam Kuala Lumpur dengan mengadakan

sistem pengangkutan awam dalaman, penggunaan kereta dapat dikurangkan.

Bagaimanapun, katanya, jika kondominium tidak dibina, kerajaan terpaksa mewujudkan rumah pangsa bertingkat-tingkat yang tidak mempunyai pengurusan sempurna serta tanpa kemudahan lain dan tidak ada kawalan keselamatan.

"Kalau kita ada kondominium yang lebih tertib dengan mempunyai pengurusan lebih bertanggungjawab, ia dapat mengutip bayaran daripada pemilik. Dengan bayaran ini, pengurusannya boleh mengadakan rancangan kawalan keselamatan yang mengurangkan beban kerajaan.

"Kita tahu jika penduduk Kuala Lumpur tidak mempunyai kemudahan rekreasi pula, kerajaan terpaksa menyediakan tanah lapang, pusat rekreasi dan taman. Ini meningkatkan kos kerajaan sedangkan mereka yang duduk di kondominium sanggup mengadakan kemudahan dan keselamatan mereka sendiri. Jadi lebih baik kita mempunyai kondominium daripada mempunyai rumah pangsa semata-mata," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, masalah hanya timbul apabila

la kondominium ditempatkan di kawasan pemilik rumah banglo persendirian yang mendakwa hak persendirian mereka terjejas.

Beliau menjelaskan, pemilik rumah banglo itu sebenarnya tidak membayar cukai yang terlalu tinggi sehingga menyebabkan ia tidak membenarkan pihak lain membina rumah lain yang berhampiran dengannya.

"Kalau kita mahu tinggal dalam bandaraya, kita mesti menerima hakikat kehidupan dalam bandaraya. Kalau kita berpendapat kita perlukan 'privacy', maka 'privacy' boleh didapati di luar dari bandar," katanya.

Perdana Menteri berkata, perkara itu tidak dapat dielakkan kerana Kuala Lumpur menghadapi masalah kekurangan tanah.

"Kalau kita hendak menghadkan kepada banglo satu tingkat sahaja, tak ada tanah lagi di Kuala Lumpur. Mereka yang ingin berbuat demikian boleh membeli tanah 10 atau 20 ekar jika sanggup membayarnya," katanya.

Katanya kondominium bukan untuk orang atasan, tetapi ia akan dibina untuk semua orang.